

BMF - KERTAS PUTIH ' Q' R' R

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 11 JAN (BERNAMA) -- KERAJAANAKAN MENGELUARKAN KERTAS PUTIH MENGENAI ISU PINJAMANKEWANGAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) DI HONG KONG SELEPAS JAWATANKUASA TIGA ORANG YANG OILANTIK UNTUK MENYIASAT PERKARA ITU SELESAI MENJALANKAN TUGASNYA.

O A T U K S E R I D A MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI PEJABATNYA 01 SINIBAHAWA JAWATANKUASA ITU, DILANTIK OLEH LEHBAGA SANK BUMIPUTRA, SYARIKAT INOUK BMF, AKAN OIKETUAI OLEH KETUA AUDIT NEGARA TAN SRI AHMAD NOOROI'ZAKARIA.

DUA ORANG ANGGOTA LAGI IALAH ENCIK RAMLI IBRAHIM, SEORANG RAKAN KANAN SEBUAH FIRMA PERAKAUNAN TEMPATAN DAN ENCIK CHOOI HAN SOU, SEORANG PEGUAM.

PERDANA MENTERI BERKATA MEMANDANGKAN TUGAS YANG BEGITU BERAT YANG AKAN DIPIKUL OLEH JAWATANKUASA ITU DI SINI DAN 01 HONG KONG UNTUK MENCUNGKIL PERKARA TERSEBUT, MAKA TIDAK OITETAPKAN TEMPOM BAGI JAWATANKUASA ITU MENYIAPKAN SIASATANNYA.

JAWATANKUASA IT TELAH DIBERIKAN TUGAS YANG LUAS UNTUK MENJALANKAN PENYIASATANNYA TERHADAP HUTANG LAPUK YANG DIANGGARKAN BERJUMLAH \$1,700 JUTA KEPADA KUMPULAN-KUMPULAN SYARIKAT HARTANAH DI JAJAHAN BRITISH XTU. -- LAGI 1800/II  
BMF-KERTAS PUTIH 2 KUALA LUMPUR

BMF MERUPAKAN PEMBERI PINJAMAN YANG TERBESAR KEPADA CARRIAN INVESTMENT YANG KINI DALAM PEMBUBARAN. KUMPULAN ITU DIMILIKI OLEH GEORGE TAN YANG MENGHADAPI BEBERAPA TUDUHAN DI HONG KONG KERANA MEMSUAT PERAKUAMAN PALSU DAN MEMBUAT KENYATAAN PALSU BAGI MENIPU PARA ANGGOTA DAN PEMBERI PINJAMAN.

BMF JUGAMEMBERI PINJAMAN YANG BESAR KEPADA EDA INVESTMENT DAN KEVIN HSU PROPERTY GROUP.

BAGAIMANAPUN PENYIASATAN JAWATANKUASA ITU AKAN MELIPUTI PINJAMAN QLEH SYARIKAT-SYARIKAT KUMPULAN CARRIAN DAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG ADA KAITAN DENGAN GEORGE TAN DAN EDA INVESTMENT LTD.

SENTUK DAN ASAS BAGI MENENTUKAN TINDAKAN SIVIL ATAU JENAYAH TERHADAP MEREKA YANG TERLIBATAKAN DIUMUMKAN.

RAMAI WARTAWAN TEMPATAN DAN ASING MENHADIRI SIDANG AKHSAR ITU.

TURUT HADIR IALAH MENTERI KEWANGAN TENGGURAZALEIGH HAMZAH, GABENOR BANK NEGARA TAN SRI ABDUL AZIZ TAHA DAN PENERUSI BANK BUMIPUTRA DR. NAWAWI MAT AWIN YANG DIMINTA OLEH PERDANA MENTERI MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PARA PEMBERITA. -- LAGI

**BMF - KERTAS PUTIH 3 KUALA LUMPUR ''''**

**DR NAWAWI BERKATA TIGAORANG PEGAWAI KANAK BANK BUMIPUTRA TELAH MELETAK JAWATAN BERIKUTAN PENDEDAHAN OLEH PERDANA MENTERI OKTOBER LALU BAHAWA MEREKA DAN BEKAS PENERUS BANK BUMIPUTRA TAN SRI KAMARUL ARIFFIN TELAH MENERIMA \$1.1 JUTA BAYARAN PERUNDING BERKAITAN DENGAN PINJAMAN BMF KEPADA CARRIAN.**

**MEREKA IALAH PENERUS BMFH 120944-8,33'.39'.--, PENGARAH BHF DATUK HASHIM SHAMSUDDIN DAN DR RAIS SANIMAN YANG KETIKA ITU KETUA URUSAN BANK ANTARASANGSA DI SANK BUMIPUTRA.**

**TAN SRI KAMARUL ARIFFIN BERHENTI DARI BANK ITU DALAM BULAN MAC 1982.**

**DR NAWAWI JUGA BERKATA DUA DARIPADA BEKAS PEGAWAI BANK BUMIPUTRA TELAH MEMBUAT TAWARAN UNTUK MEMULANGKAN BAYARAN PERUNDING YANG MEREKA TERIMA DAN "KAMI DALAM PROSES MENGAMBILNYA."**

**BELIAU BERKATA BAHAWA PENGURUS BESAR BMF ENCIK IBRAHIM JAAFAR TIDAK MELETAKKAN JAWATAN.**

**"BANK BUMIPUTRA TIDAK MEMPUNYAI MAKLUMAT BAHAWA BELIAU TELAH MENERIMA SEBARANG BAYARAN PERUNDING," TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1858/II BMF - KERTAS PUTIH 4 KUALA LUMPUR ''''**

**MENGENAI ANGGOTA PASUKAN PENYIASAT ITU, PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA TERDIRI DARIPADA GOLONGAN YANG BERWIBAWA YANG TIDAK PERLU DIPERSOALKAN LAGI DAN TIDAK ADA KENA MENGENA LANGSUNG DENGAN BANK BUMIPUTRA ATAU BMF.**

**TINDAKAN JUGA SEDANG DIAMBIL DI PERINGKAT RASMI BAGI HENDAPATKAN BANTUAN YANG DIPERLUKAN DARI PIHAK BERKUASA HONG KONG BAGI MEMPERCEPAT TUGAS JAWATANKUASA ITU.**

**DITANYA SANA ADA BERBANGKIT KOMPLIKASI UNDANG-UNDANG YANG BOLEH MENYEBABKAN BEKAS PEGAWAI-PEGAWAI BMF ITU TIDAK MEMBERIKAN KERJASAMA KEPADA JAWATANKUASA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK MASALAH ITU AKAN TIMBUL DI MALAYSIA.**

**TAMBAH BELIAU "KERTAS PUTIH YANG AKAN KAHILUARKAN NANTI AKAN MENGANDUNGI INTISARI PENYIASATAN JAWATANKUASA ITU TERHADAP HAL EHWAL URUSAN BMF. -- BERNAHA 1930/II**